



PELAN STRATEGIK ICT (PSICT)

2016 - 2020

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

*“Mengoptimumkan Penyampaian Perkhidmatan,
Merakyatkan Perkhidmatan Digital”*



<http://www.spa.gov.my>



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62520 Putrajaya, Malaysia



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62520 Putrajaya, Malaysia.
Telefon: +603 8885 6000
Faks: +603 8888 5036
URL: <http://www.spa.gov.my>
© Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Cetakan Pertama 2016

Pelan Strategik ICT Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 2016-2020

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa keizinan pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
ISBN 978-983-43600-4-7



KANDUNGAN

06	Perutusan oleh Pengerusi SPA
08	Kata Alu-Aluan oleh Setiausaha SPA
10	Prakata oleh Ketua Pegawai Maklumat (CIO) SPA
12	Ringkasan Eksekutif
	Bab 1 – Pengenalan
15	1.1 Latar Belakang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
17	1.2 Fungsi dan Tugas Suruhanjaya
20	1.3 Latar Belakang Projek
21	1.4 Objektif Projek
22	1.5 Skop Projek
22	1.6 Jadual Pelaksanaan Projek
23	1.7 Metodologi Pembangunan Projek
24	1.8 Struktur Tadbir Urus Projek
	Bab 2 – Persekitaran ICT Semasa
27	2.1 Pencapaian Pelan Strategik ICT SPA 2014-2015
28	2.2 Aplikasi ICT Semasa
32	2.3 Infrastruktur ICT Semasa
34	2.4 Tadbir Urus ICT Semasa

KANDUNGAN

	Bab 3 - Analisis Persekitaran ICT
37	3.1 Latar Belakang
37	3.2 Analisis Aplikasi ICT
41	3.3 Analisis Infrastruktur ICT
41	3.4 Analisis Tadbir Urus ICT
	Bab 4 - Hala Tuju Strategik
43	4.1 Visi ICT
43	4.2 Misi ICT
	Bab 5 - Rangka Kerja Strategik ICT
45	5.1 Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam
46	5.2 Rangka Kerja Strategik ICT SPA
47	5.3 Teras Strategik ICT
68	5.4 Pelan Pelaksanaan
	Bab 6 – Implementasi Ke Arah Kejayaan
78	6.1 Mekanisme Pelaksanaan
79	6.2 Pemantauan
82	6.3 Elemen Penentu Kejayaan
86	Bab 7 – Penutup

PERUTUSAN PENGGERUSI



**YBHG. TAN SRI
ARPAH BINTI ABDUL RAZAK**
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Bersyukur kita kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya jua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya menggubal dan menerbitkan Pelan Strategik ICT (PSICT) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) 2016-2020.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada warga SPA atas kejayaan menghasilkan PSICT SPA bagi tempoh 2016-2020. Pelan Strategik ICT ini merupakan *blueprint* perancangan ICT bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan SPA kepada rakyat. Pelan ini dibangunkan selaras dengan hala tuju Pelan Strategik SPA 2016-2020 dan Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020 bagi memastikan pencapaian Wawasan 2020.

Saya berharap semua warga SPA dapat menghayati Pelan Strategik ICT ini dan seterusnya memberikan kerjasama bagi melaksanakan program dan inisiatif yang telah dipersetujui dalam Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020.

Selamat maju jaya.

YBHG. TAN SRI ARPAN BINTI ABDUL RAZAK
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Oktober 2016

KATA ALU-ALUAN SETIAUSAHA SPA



YBHC. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha semua warga SPA dalam menjayakan penggubalan Pelan Strategik ICT Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) 2016-2020.

Sebagai salah sebuah Pihak Berkuasa Melantik (PBM) di negara ini, SPA sentiasa komited untuk menambah baik urusannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi fungsi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan, memasukkan ke dalam jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib.

Saya percaya Pelan Strategik ICT ini akan memantapkan lagi tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan ICT dalam melaksanakan fungsi utama SPA kepada rakyat. Penggunaan teknologi yang sesuai dengan *trend* dan perkembangan ICT semasa juga diharapkan dapat memandu SPA ke arah meningkatkan produktiviti untuk mencapai kecemerlangan.

Akhir kata saya berharap Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020 ini akan menjadi panduan kepada warga SPA dalam melaksanakan inisiatif yang dapat memberi manfaat kepada rakyat dan dapat memberi refleksi positif terhadap organisasi SPA dalam mendepani cabaran yang mendatang. Saya berdoa semoga segala usaha yang kita lakukan akan diberkati dan dipermudahkan oleh Allah S.W.T. jua.

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Oktober 2016

PRAKATA KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO)



YBRS. PUAN SALMAH BINTI IDRIS
Ketua Pegawai Maklumat (CIO)
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pasukan Pembangunan PSICT SPA atas kejayaan menyiapkan Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020 dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT Sektor Awam, MAMPU. Pelan Strategik ICT ini berjaya dibangunkan dengan kerjasama dan komitmen yang tinggi dari semua ahli pasukan.

Program dan strategi yang dirancang bagi tempoh 2016 hingga 2020 insyaAllah dapat bergerak seiring dengan Pelan Strategik SPA 2016-2020 dalam melaksanakan program transformasi dan inisiatif yang berimpak tinggi sejajar dengan matlamat utama negara iaitu mencapai Wawasan 2020.

Bagi memastikan pencapaian matlamat yang digariskan sejajar dengan Pelan Strategik SPA 2016-2020 dan Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020, pelan ini telah menetapkan tiga (3) teras utama iaitu Pemerkasaan Aplikasi Dalam Memantapkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan SPA, Pengukuhan Infrastruktur ICT Secara Bersepadu dan Selamat serta Pemantapan Pembudayaan dan Tadbir Urus ICT. Teras utama ini disokong oleh 11 strategi dan 36 program yang telah dirancang bagi memastikan hala tuju Pelan Strategik ICT ini dapat dicapai dengan berkesan dan sistematik.

Akhir kata, saya menyeru kepada warga SPA untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan program dan inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020.

Selamat Maju Jaya.

YBRS. PUAN SALMAH BINTI IDRIS
Ketua Pegawai Maklumat (CIO)
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Oktober 2016

■ RINGKASAN EKSEKUTIF

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan sebuah Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan bagi menjalankan fungsinya seperti yang dinyatakan dalam Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan. Suruhanjaya ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan digital selari dengan agenda nasional yang ditetapkan.

Pada tahun 1991, Wawasan 2020 telah diperkenalkan dengan objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan acuan sendiri. Bagi mencapai Wawasan 2020, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha, antaranya dengan memperkenalkan Dasar Transformasi Negara. Di bawah Dasar Transformasi Nasional ini, lahirnya 6 program utama iaitu Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik, Program Transformasi Komuniti, Program Transformasi Sosial dan Program Transformasi Fiskal.

Keadaan politik, ekonomi dan sosial pada dekad 2010-an dan abad ke-21 ini semakin mencabar. Cabaran global dan domestik yang seiring dengan peningkatan aspirasi rakyat, telah menuntut kepada penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan menepati kehendak rakyat. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia melalui Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020 ini telah merangka strategi dan inisiatif ICT berdasarkan persekitaran semasa dan jangkaan akan datang bagi memantapkan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pelan Strategik ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik ICT SPA 2014-2015 dan Pelan Strategik SPA 2016-2020.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia akan terus berubah dan maju ke hadapan seiring dengan dasar-dasar dan inspirasi terbaharu di peringkat nasional. Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Digital yang ditekankan oleh Pelan Strategik ICT Sektor Awam juga dijadikan panduan dalam merangka program-program yang dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan. Konsep ini diterapkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat. Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) yang terbaharu iaitu Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020 dan Bajet Tahunan yang merupakan halatujju jangka pendek dan sederhana turut dijadikan panduan dalam penggubalan Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020.

Selaras dengan tuntutan persekitaran semasa dan agenda di peringkat nasional, Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020 telah menetapkan tiga (3) teras strategik iaitu:

- i. Pemerkasaan Aplikasi Dalam Memantapkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan SPA;**
- ii. Pengukuhan Infrastruktur ICT Secara Bersepadu dan Selamat; serta**
- iii. Pemantapan Pembudayaan dan Tadbir Urus ICT.**

Berdasarkan 3 Teras Strategik ini, sebanyak 11 strategi dan 43 program telah dirangka bagi mengoptimumkan pencapaian SPA dan pelaksanaannya akan dipantau serta ditambah baik dari semasa ke semasa.





BAB 1 : PENGENALAN

1.1


Latar Belakang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1957, iaitu bersamaan dengan Hari Kemerdekaan Tanah Melayu. Pada awalnya, semasa penjajahan Inggeris, Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Tanah Bersekutu Melayu ketika itu adalah di bawah pentadbiran Inggeris. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 telah dengan sendirinya membentuk pemerintahan baru Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat.

SPA telah ditubuhkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan “Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, menjadi tugas sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.”

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan menetapkan anggotanya terdiri dari seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang dari empat anggota lain tetapi tidak melebihi 30 orang anggota lain. Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia (termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah) yang diketuai oleh seorang Setiausaha.



1.2

Fungsi dan Tugas Suruhanjaya

Fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia adalah sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti di Rajah 1-2. Ia meliputi perkara-perkara berikut :

i. Pelantikan

Suruhanjaya menguruskan pelantikan anggota Perkhidmatan Awam secara tetap, sementara dan kontrak. Suruhanjaya berkuasa menamatkan perkhidmatan anggota Perkhidmatan Awam mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

ii. Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Suruhanjaya berkuasa mengesahkan anggota Perkhidmatan Awam dalam perkhidmatan, melanjutkan tempoh percubaan, mengembalikan kakitangan ke jawatan asalnya atau menamatkan perkhidmatan kerana gagal disahkan dalam perkhidmatan.

iii. Pemberian Taraf Berpencen

Suruhanjaya menguruskan pemberian taraf berpencen kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diambilkira untuk tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun.

iv. Pertukaran

Suruhanjaya berkuasa :

- a) Menukar anggota perkhidmatan awam dari satu skim perkhidmatan yang sama di bawah Ketua Perkhidmatan yang berlainan.
- b) Menukar tetap pegawai yang dipinjamkan ke jawatan yang disandang di agensi peminjam tertakluk kepada syarat-syarat pertukaran tetap berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008.
- c) Melantik pegawai secara peminjaman ke Perkhidmatan Awam Persekutuan dari Perkhidmatan Awam tiap-tiap Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan hakikinya.
- d) Menukar lantik pegawai dari satu skim ke satu skim perkhidmatan yang lain akibat pembubaran, pemansuhan jawatan atau permohonan pegawai, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

v. Kenaikan Pangkat

Suruhanjaya adalah berfungsi sebagai Lembaga Kenaikan Pangkat bagi kenaikan pangkat ke jawatan (promotion to post) pegawai-pegawai yang menjadi Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam. Selain itu, Suruhanjaya juga turut berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010.

vi. Kawalan Tatatertib

Suruhanjaya adalah merupakan Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan bagi tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat ke atas pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.



Rajah 1-2 : Fungsi dan Tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

1.3

Latar Belakang Projek

Pelan Strategik ICT (PSICT) merupakan satu *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT di Kementerian/jabatan bagi satu-satu tempoh yang ditetapkan.

Keperluan PSICT ini telah dinyatakan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 4/2004 iaitu Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan yang menetapkan bahawa Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya hendaklah merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT supaya selaras dengan PSICT Kementerian/jabatan serta sektor awam.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah membangunkan Pelan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk tempoh 2016 – 2020. Selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik tersebut, PSICT dibangunkan bagi menyokong visi dan misi SPA secara menyeluruh. Penekanan diberikan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

PSICT SPA ini dibangun dan digubal oleh Pasukan Pembangunan PSICT SPA yang terdiri daripada warga kerja SPA di semua peringkat dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT Sektor Awam, MAMPU.

1.4

Objektif Projek

Objektif PSICT SPA 2016-2020 adalah :

1

Membangunkan PSICT SPA untuk menjelaskan visi, misi, hala tuju, inisiatif strategik dan pelan tindakan bagi perancangan dan pembangunan ICT SPA.



2

Menyediakan *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT bagi tempoh 2016 sehingga 2020.



3

Menetapkan hala tuju ICT SPA dan mengelaraskannya dengan Petunjuk Utama Prestasi (KPI) PSICT SPA yang berasaskan kepada Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11) dan Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020.



1.5

Skop Projek

Skop projek Pelan Strategik ICT (PSICT) 2016-2020 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan ICT Sektor Awam untuk tempoh lima (5) tahun akan datang. Ia memberikan penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. PSICT SPA 2016-2020 dibangunkan dengan merujuk kepada PSICT 2016-2020 sektor awam bagi memastikan keselarasan hala tuju ICT SPA dan ICT sektor awam.

1.6

Jadual Pelaksanaan Projek

Pembangunan PSICT ini telah mengambil masa selama 11 bulan mulai 17 November 2015 hingga 31 Oktober 2016. Beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan sepanjang tempoh tersebut bagi mengumpul maklumat dan menyiapkan dokumen sepenuhnya. Jadual pelaksanaan projek yang terperinci adalah seperti dalam **Lampiran 1-1**.

1.7


Metodologi Pembangunan Projek

Metodologi ASF v2.0 diguna pakai bagi mengetahui keperluan bisnes agensi.

Pembangunan PSICT ini melibatkan tiga (3) fasa iaitu:



Perincian kepada metodologi ini dijelaskan seperti di dalam **Rajah 1-3** :




Rajah 1-3 : Metodologi ASF v2.0

1.8

Struktur Tadbir Urus Projek

Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSICT ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pembangunan PSICT ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Maklumat (CIO) SPA. Jawatankuasa ini telah melibatkan keanggotaan dari setiap bahagian di SPA.

Struktur tadbir urus pembangunan PSICT SPA 2016-2020 adalah seperti dalam Rajah 1-4 :



Rajah 1-4 : Jawatankuasa Pembangunan PSICT 2016-2020






BAB 2 : PERSEKITARAN ICT SEMASA

2.1

Pencapaian PSICT SPA 2014 - 2015

Pelan Strategik ICT SPA 2014-2015

1GOV*Net
IPV6 Ready
Putra Wifi
Content Filtering (https)

Web Application Firewall
ISMS 27001:2013 Certified
Migration to Virtual Machine Environment (VM)
Unified Communication (1Govuc)

Aplikasi Mobile (mySPAv2)
Interactive Portal SPA
Peperiksaan Online
Sistem eRuling
SPA Outreach

Integrated Environment(Sistem eTapis)
Process Driven (Sistem eCR)
Open Source Environment (90%)
Digital Document Environment (DDMS)
Web Based Application
(SMPT, Sistem eCirculation SPA)

2.2

Aplikasi ICT Semasa

Secara keseluruhannya SPA mempunyai 55 aplikasi yang dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dan *outsourced*.

Aplikasi ini dikategorikan kepada dua iaitu:

- i. Aplikasi utama (26 aplikasi)
- ii. Aplikasi sokongan (29 aplikasi)

Aplikasi utama memastikan semua urusan SPA yang melibatkan pengguna dalaman dan pengguna luar yang terdiri daripada kementerian/jabatan bagi urusan pengambilan dan perkhidmatan serta pihak awam bagi urusan pendaftaran pekerjaan dalam perkhidmatan awam berjalan dengan lancar dan tepat serta selamat. Manakala aplikasi sokongan membantu memantapkan lagi pelaksanaan aplikasi utama.

Senarai aplikasi adalah seperti dalam **Jadual 2-1** dan **Jadual 2-2**.

BIL.	SENARAI APLIKASI UTAMA
1.	Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM)
2.	Sistem Pemantauan Urusan Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat & Tatatertib (eSPDM)
3.	Sistem Pendaftaran Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i)
4.	Sistem Permohonan Pengisian Jawatan Oleh Kementerian / Jabatan (ePengisian)
5.	Sistem Pengurusan Peperiksaan Berkomputer (SISPEK)
6.	Peperiksaan Online (SEGS)
7.	SISPEK Exam Gateway Information System (SEGSIS)

BIL.	SENARAI APLIKASI UTAMA
8.	Sistem MyGIM
9.	Sistem ePengesahan
10.	Sistem Kertas Suruhanjaya Elektronik (eKS)
11.	Sistem Semakan Maklumat Individu (eTapis)
12.	Portal Rasmi SPA
13.	Sistem Aplikasi Mobile (mySPAv2)
14.	Sistem Semakan Online SPA
15.	Sistem Penghantaran Emel SPA
16.	Sistem Maklumat <i>Change Request</i> (eCR)
17.	Sistem eCirculation SPA
18.	Sistem eRuling
19.	Sistem ePertanyaan
20.	Sistem Setuju Terima Pelantikan
21.	Sistem Lantikan Kontrak
22.	Portal Rasmi SPKP
23.	Sistem Semakan Online SPKP
24.	Sistem eCirculation SPKP
25.	Intranet SPA
26.	Sistem Kemaskini Maklumat Login MyID SPABi

Jadual 2-1 : Senarai Aplikasi Utama SPA

BIL.	SENARAI APLIKASI SOKONGAN
1.	Sistem Soal Selidik SPA8i
2.	Sistem Pengurusan Temuduga (IMS)
3.	Sistem Agenda Mesyuarat
4.	Sistem Agenda Mesyuarat NT
5.	Sistem Alert Emel Tempoh Sah Laku Pendaftaran
6.	Sistem eLatihan
7.	Sistem eSurat
8.	Sistem Maklumat Kakitangan (eSTAFF) SPA
9.	Laman Web PUSPANITA SPA
10.	Sistem Planner SPA
11.	Sistem Akademi SPA
12.	Sistem SPA Outreach
13.	Sistem Parlimen
14.	Sistem Aduan Exam
15.	Sistem Latihan
16.	Sistem Maklumbalas Pelanggan – KIOSK
17.	Sistem eKoleksi
18.	Sistem iFAQ
19.	Sistem Kalkulator Perkhidmatan
20.	Sistem Soal Selidik Tidak Hadir Temuduga

BIL.	SENARAI APLIKASI SOKONGAN
21.	Sistem Soal Selidik Kepuasan Kerja
22.	Sistem Soal Selidik eCirculation SPKP
23.	Sistem eTugas
24.	Sistem Pengesahan Kehadiran Hari Keluarga SPA
25.	Sistem Pengesahan Kehadiran Karnival Sukan PASPA
26.	Sistem eKehadiran
27.	Sistem Kemaskini Maklumat OKU
28.	Sistem eFILE
29.	Sistem Aduan Kerosakan ICT

Jadual 2-2: Senarai Aplikasi Sokongan SPA

2.3

Infrastruktur ICT Semasa

Peralatan ICT semasa merangkumi perkakasan/peralatan ICT dan perisian yang terdapat dalam Pusat Data, rangkaian komputer dan keselamatan ICT. Perkakasan/peralatan dan perisian ICT yang dibekalkan adalah untuk menyokong urusan harian SPA.

Penyenaraian mengenai inventori peralatan ICT dibuat mengikut kategori iaitu peralatan komputer pengguna (End User Computing) dan peralatan pusat data (Back End System). Peralatan komputer pengguna di SPA merangkumi perkakasan dan perisian yang digunakan untuk tugas harian. Senarai peralatan komputer pengguna adalah seperti yang disenarai dalam **Jadual 2-3** dan **Jadual 2-4**.

BIL.	PERKAKASAN	UNIT
1.	Komputer Peribadi (PC)	550
2	<i>Notebook</i>	167

Jadual 2-3 : Senarai Perkakasan Komputer

BIL.	PERKAKASAN	UNIT
1.	<i>Server</i> (Komputer Pelayan)	64
2.	<i>Firewall</i>	4
3.	<i>Storage</i>	7
4.	<i>Load Balancer</i>	2
5.	<i>Web Accelerator</i>	1

Jadual 2-4 : Senarai Perkakasan, Rangkaian dan Keselamatan

Sistem rangkaian di SPA dibahagikan kepada dua (2) segmen iaitu sistem rangkaian luaran (WAN) dan rangkaian dalaman (LAN).

i) Rangkaian Luaran (WAN)

Rangkaian luaran SPA merupakan pintu gerbang kepada sambungan pengguna rangkaian dalaman ke internet dan membenarkan pelanggan SPA untuk mencapai perkhidmatan SPA melalui aplikasi atas talian.

Rangkaian luaran SPA dikawal melalui penggunaan *firewall*, IPS dan IDS. Jenis sambungan luaran menggunakan Putrajaya Campus Network (PCN) dan turut berhubung dengan rangkaian EGNNet bagi capaian sistem aplikasi kerajaan elektronik.

ii) Rangkaian Dalaman (LAN)

Rangkaian dalaman SPA merangkumi capaian rangkaian di setiap bahagian di SPA bermula dari aras 6 sehingga aras 10 di blok C7, Kompleks C, Putrajaya. Kaedah sambungan dalaman SPA adalah secara LAN menggunakan kabel UTP dan Wifi.

Komponen rangkaian SPA adalah seperti di **Lampiran 2-1**.

2.4

Tadbir Urus ICT Semasa

Tadbir urus memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan ICT sektor awam. Jawatankuasa berkaitan ICT di SPA turut membantu dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan projek ICT di SPA. Tadbir Urus ICT SPA adalah seperti dalam **Jadual 2-5** :

BIL.	JAWATANKUASA
1.	Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)
2.	Jawatankuasa Pemandu Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP)
3.	Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web/Portal
4.	Jawatankuasa Teknikal
5.	Jawatankuasa Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS)

Jadual 2-5 : Jawatankuasa Berkaitan ICT di SPA

Garis panduan dan dasar ICT yang meliputi pekeliling am dan dasar ICT kerajaan dijadikan garis panduan dalam pelaksanaan projek ICT di SPA. Garis panduan dan dasar ICT yang digunakan adalah seperti dalam **Jadual 2-6**.

BIL.	GARIS PANDUAN	PENERANGAN
1.	Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA)	- Bertarikh 1 April 2016 - Menjelaskan tatacara pengendalian Maklumat Rahsia Rasmi dan keperluan merujuk kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) bagi urusan berkaitan pewujudan, pengelasan, pengendalian, simpanan, premis dan pelupusan maklumat.
2.	Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 : Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam	- Bertarikh 11 November 2015 - Menyediakan panduan bagi memohon kelulusan teknikal projek ICT daripada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) yang berurus setia di MAMPU, JPM serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

BIL.	GARIS PANDUAN	PENERANGAN
3.	Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015: Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam	- Bertarikh 30 September 2015 - Memaklumkan mengenai panduan melaksanakan pengurusan laman web agensi sektor awam yang berkesan bagi menyokong inisiatif perkhidmatan awam selaras dengan perkembangan teknologi terkini dan penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat.
4.	Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2015: Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam	- Bertarikh 30 September 2015 - Menyediakan garis panduan dalam pelaksanaan data terbuka agensi sektor awam bagi menggalakkan perkongsian data, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan lebih mudah, cepat dan telus serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.
5.	Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2013: Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan Information Telecommunication Technology (ICT) Kerajaan	- Bertarikh 13 Mei 2013 - Memaklumkan semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun (Agensi) mengenai Garis Panduan Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan.
6.	Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006: Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT Dan Internet Kerajaan	- Bertarikh 13 November 2006 - Menerangkan mengenai pengukuhan tadbir urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawahnya.
7.	Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000: Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan	- Bertarikh 1 Oktober 2000 - Menjelaskan Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan serta perkara-perkara berkaitan yang perlu diberi pertimbangan dan diambil tindakan oleh agensi-agensi sektor awam.
8.	Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001: Mekanisma Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	- Bertarikh 4 April 2001 - Menjelaskan mekanisme pelaporan insiden keselamatan ICT bagi sektor awam untuk menangani insiden keselamatan ICT.
9.	Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook (MyMIS) Tahun 2002.	- Bertarikh 15 Januari 2002 - Sebagai rujukan agensi untuk merancang, membangun, melaksana dan mengurus keselamatan ICT.
10.	Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 : Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik	- Bertarikh 28 November 2003 - Menyedia garis panduan mengenai tatacara penggunaan internet dan mel elektronik di agensi Sektor Awam serta perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh agensi Sektor Awam.
11.	Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005 : Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam	- Bertarikh 7 November 2005 - Memaklumkan kepentingan untuk menilai risiko keselamatan ICT dalam agensi Sektor Awam dan menjelaskan cara melaksanakan penilaian tersebut.

Jadual 2-6: Garis Panduan dan Dasar ICT



BAB 3 : ANALISIS PERSEKITARAN ICT

3.1

Latar Belakang

Bab ini menerangkan persekitaran ICT semasa di SPA. Penilaian ICT yang dibuat merangkumi aspek seperti berikut :


- i. Status aplikasi, kepenggunaan aplikasi dan hubungan di antara aplikasi dan operasi utama SPA bagi keseluruhan aplikasi yang terdapat di SPA;
- ii. Infrastruktur ICT yang merangkumi rangkaian, pusat data, keselamatan maklumat serta inventori perkakasan dan perisian;
- iii. Pembudayaan, kesedaran dan tadbir urus ICT di SPA.

Hasil analisis ini telah dapat mengenalpasti kelemahan, isu dan cabaran persekitaran ICT sedia ada. Ini memberikan peluang bagi penambahbaikan yang lebih berkesan bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan SPA seiring dengan visi dan misi ICT Jabatan.

3.2


Analisis Aplikasi ICT

55 aplikasi telah dianalisis dan dikategorikan berdasarkan nilai teknikal dan bisnes menggunakan kaedah *System Audit Grid* yang terdiri dari empat (4) aspek iaitu *Reassess*, *Maintain/ Enhance*, *Eliminate* dan *Renew/ Replace* seperti **Rajah 3-1**.



Rajah 3-1 : *System Grid Audit*

Hasil analisis mendapati **41** aplikasi masih aktif dan dikekalkan penggunaan, **6** aplikasi tidak lagi digunakan dan **7** aplikasi lagi perlu penilaian semula penggunaannya. Manakala 1 aplikasi dinaik taraf seperti **Rajah 3-2**. Perincian bagi analisis aplikasi adalah seperti di **Lampiran 3-1**.



Rajah 3-2 : Hasil Analisis Aplikasi Semasa SPA

APLIKASI	KOD
Sistem eKehadiran	KH
Sistem Pengesahan Kehadiran Hari Keluarga SPA	KF
Sistem Pengesahan Kehadiran Karnival Sukan PASPA	KK
Sistem Soal Selidik Tidak Hadir Temu Duga	TH
Sistem Soal Selidik Kepuasan Kerja	SS
Sistem Soal Selidik	SP
Sistem eSurat	ES

APLIKASI	KOD
Sistem eTugas	EG
Sistem efile	FF
Sistem Aduan Exam	EX
Sistem Kemaskini Maklumat OKU	OK
Sistem Soal Selidik eCirculation SPKP	SC
Sistem Aduan Kerosakan ICT	CT

APLIKASI	KOD
Sistem MyGIM	MG

APLIKASI	KOD
Portal Rasmi SPA	PO
Intranet SPA	IN
Portal Rasmi SPKP	PS
Sistem eCirculation SPKP	CP
Sistem ePertanyaan	TY
Sistem Setuju Terima Pelantikan	ST
Sistem SPA Outreach	OT
Sistem eRuling	ER
Sistem eCirculation SPA	CS
Sistem Latihan	LA
Sistem KIOSK	KO
Sistem Parlimen	PR
Sistem Lantikan Kontrak	LK
Sistem Akademi ASPA	AS
Sistem eKoleksi	KL
Sistem iFAQ	FQ
Sistem Kalkulator Perkhidmatan	CC
Semakan Online SPA	OS
Sistem eStaff	SF
Sistem ePengesahan	EP
Sistem ePengisian	PN
Laman Web Puspanita	PP

APLIKASI	KOD
Sistem Kemaskini Maklumat Calon SPA8i	ID
Semakan Online SPKP	SK
Sistem eSPDM	DM
Sistem eSMSM	SM
Sistem eCR	CR
Sistem eTapis	TP
Sistem MySPAv2	MY
Sistem SISPEK	PE
Sistem Peperiksaan Online (SEGS)	GS
SISPEK Exam Gateway Information System (SEGSIS)	IS
Sistem Pengurusan Temu Duga (IMS)	MS
Sistem Alert Tempoh Sah Laku Pendaftaran	SL
Sistem eLatihan	EL
Sistem Planner SPA	PL
Sistem Penghantaran Emel	EM
SPA8i	BO
Sistem eKS	KS
Sistem Agenda Mesyuarat	AM
Sistem Agenda Mesyuarat NT	NT

3.3

Analisis Infrastruktur ICT

Analisis Infrastruktur ICT merangkumi kemudahan dan prestasi semasa infrastruktur ICT SPA yang merangkumi aspek perkakasan ICT, rangkaian, keselamatan dan pusat data. Secara keseluruhannya, terdapat ruang dan peluang yang perlu diberi perhatian seperti menaik taraf perkakasan/peralatan ICT, rangkaian dan infrastruktur bagi memantapkan infrastruktur dan keselamatan ICT di SPA

Hasil analisis yang terperinci adalah seperti di **Lampiran 3-2**.

3.4

Analisis Tadbir Urus ICT

Analisis Tadbir Urus dan Pembudayaan ICT merangkumi aspek tadbir urus ICT termasuk sumber manusia, latihan dan program pembudayaan ICT di SPA.

Analisis organisasi yang dijalankan merangkumi tiga (3) kategori iaitu sikap, pengurusan perubahan, kemahiran dan pengetahuan manakala analisis pengurusan ICT telah dibuat dari sudut polisi dan prosedur serta tadbir urus ICT. Terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian iaitu pengukuhan perancangan dan koordinasi ICT dan peningkatan kompetensi ICT dikalangan warga SPA.

Hasil analisis yang terperinci adalah seperti di **Lampiran 3-3**.



BAB 4 : HALA TUJU STRATEGIK

4.1

Visi ICT

Menjadikan ICT sebagai peneraju kecemerlangan SPA dalam urusan pelantikan dan tadbir urus perkhidmatan penjawat awam.

VISI

4.2

Misi ICT

MISI

Mengoptimumkan penggunaan ICT ke arah memperkasakan urusan penyampaian perkhidmatan SPA.



BAB 5 : RANGKA KERJA STRATEGIK ICT

5.1


Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam

MAMPU telah membangunkan Rangka Kerja ICT Sektor Awam bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Rangka Kerja ICT ini terdiri daripada empat (4) komponen utama iaitu Visi ICT, Teras Strategik ICT, Ekosistem Pemboleh Daya dan Prinsip Asas.

- Visi ICT merupakan matlamat ICT Sektor Awam untuk menyokong RMK-11 dalam mengukuhkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.
- Teras Strategik ICT adalah pemacu strategik ke arah mencapai matlamat ICT sektor awam.
- Ekosistem Pemboleh Daya adalah elemen strategik yang menyokong kejayaan pelaksanaan dan kelestarian inisiatif ICT.
- Prinsip Asas adalah dasar yang dijadikan panduan dan pedoman dalam pelaksanaan ICT sektor awam.

Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam adalah seperti **Rajah 5-1** :




Rajah 5-1 : Rangka Kerja Strategik ICT Sektor Awam

5.2

Rangka Kerja Strategik ICT SPA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah mengadaptasi Rangka Kerja ICT Sektor Awam 2016-2020 dalam membangunkan Pelan Strategik ICT (PSICT) SPA bagi memastikan hala tuju PSICT SPA selaras dengan matlamat ICT sektor awam dalam memacu kejayaan pelaksanaan dan kelestarian inisiatif ICT jabatan.

Rangka Kerja Strategik ICT SPA adalah seperti **Rajah 5-2** :



Rajah 5-2 : Rangka Kerja Strategik ICT SPA

5.3

Teras Strategik ICT

Pelan Strategik ICT SPA 2016-2020 terdiri dari tiga (3) Teras Utama yang merangkumi aspek pembangunan dan pemantapan aplikasi, rangkaian dan keselamatan serta tadbir pembudayaan dan tadbir urus ICT.

**TERAS
1****PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA****OBJEKTIF :**

- Memantapkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan fungsi teras SPA
- Memanfaat nilai data menerusi sinergi digital antara agensi berkepentingan

**TERAS
2****PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA BERSEPADU DAN SELAMAT****OBJEKTIF :**

- Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur selaras dengan perkembangan dan keperluan ICT bagi menjamin ketersediaan perkhidmatan
- Meningkatkan kebolehpercayaan dan integriti rangkaian dan sistem

**TERAS
3****PEMANTAPAN PEMBUDAYAAN DAN TADBIR URUS ICT****OBJEKTIF :**

- Memantapkan pengetahuan dan kemahiran serta budaya kerja warga bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.
- Mengoptimumkan pengurusan teknologi digital selaras dengan peningkatan ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan
- Memantapkan dasar dan tadbir urus ICT ke arah yang lebih dinamik

Ringkasan Teras Strategik, Strategi dan Program ICT



TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.1	Pengukuhan dan Penambahbaikan Aplikasi Teras	a) Naik taraf MyRecruitment Front-End Touch Solution	Kajian penambahbaikan dan naik taraf sistem aplikasi		2016 - 2020	PM PG PK SB SW
			Fasa 1: Kajian penambahbaikan	1 bengkel kajian penambahbaikan		
			Fasa 2: Pembangunan naik taraf aplikasi	Naik taraf aplikasi		
			i) eSMSM	2016 Fasa 1 selesai 2020 Fasa 2 selesai	2016 - 2020	
			ii) SPABi	2016 Fasa 1 selesai 2018 Fasa 2 selesai	2016 - 2018	
			iii) eTapis	2016 Fasa 1 selesai 2017 Fasa 2 selesai	2016 - 2017	
			iv) ePengisian	2016 Fasa 1 selesai 2019 Fasa 2 selesai	2016 - 2019	
			v) IMS	2016 Fasa 1 selesai 2020 Fasa 2 selesai	2016 - 2020	PM PG PK PE SB SW
			vi) Setuju Terima Pelantikan	2017 Fasa 1 & 2 selesai	2017	PM PG PK SB SW

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.1	Pengukuhan dan Penambahbaikan Aplikasi Teras	a) Naik taraf MyRecruitment Front-End Touch Solution	vii) SISPEK	2017 Fasa 1 Selesai 2019 Fasa 2 Selesai	2017 - 2019	PM PE
			viii) Exam Online	2017 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2017 - 2020	
		b) Naik taraf MyRecruitment Information Checking Solution (MyRICS)	Kajian penambahbaikan dan naik taraf sistem aplikasi		2016 - 2020	PM PG PK SB SW
			Fasa 1 : Kajian penambahbaikan	1 bengkel kajian penambahbaikan		
			Fasa 2 : Pembangunan naik taraf aplikasi	Naik taraf aplikasi		
			i) SPA8i	2016 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2016 - 2020	
			ii) mySPAv2	2016 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2016 - 2020	
			iii) eSMSM	2017 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2017 - 2020	

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.1	Pengukuhan dan Penambahbaikan Aplikasi Teras	c) Naik taraf MyService Front-End Touch Solution	Kajian penambahbaikan dan naik taraf sistem aplikasi		2017 - 2020	PM KT NT
			Fasa 1 : Kajian penambahbaikan	1 bengkel kajian penambahbaikan		
			Fasa 2 : Pembangunan naik taraf aplikasi	Naik taraf aplikasi		
			i) eSPDM	2017 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2017 - 2020	
			ii) Semakan Perkhidmatan	2017 Fasa 1 Selesai 2018 Fasa 2 Selesai	2017 - 2018	
			iii) ePengesahan	2018 Fasa 1 Selesai 2019 Fasa 2 Selesai	2018 - 2019	
		d) Naik taraf MyRecruitment Data Migration	Kajian penambahbaikan dan naik taraf sistem aplikasi		2016 - 2020	PM

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.1	Pengukuhan dan Penambahbaikan Aplikasi Teras	d) Naik taraf MyRecruitment Data Migration	Fasa 1 : Kajian penambahbaikan	1 bengkel kajian penambahbaikan		PM
			Fasa 2 : Pembangunan naik taraf aplikasi	Naik taraf aplikasi		
			i) SPABi	2016 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2016 - 2020	
			ii) eSMSM	2016 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2016 - 2020	
			iii) mySPAv2	2016 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2016 - 2020	
			iv) SISPEK	2016 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2016 - 2020	
		e) Naik taraf eKS dan eRuling	Kajian penambahbaikan dan naik taraf sistem aplikasi Fasa 1 : Kajian penambahbaikan Fasa 2 : Pembangunan naik taraf aplikasi	1 bengkel kajian penambahbaikan Naik taraf aplikasi	2016 - 2018	PM

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.1	Pengukuhan dan Penambahbaikan Aplikasi Teras	e) Naik taraf eKS dan eRuling		2016 Fasa 1 Selesai 2018 Fasa 2 Selesai	2016 - 2018	PM
		f) Naik taraf eCirculation SPKP	Kajian penambahbaikan dan naik taraf sistem aplikasi		2017 - 2020	PM
			Fasa 1 : Kajian penambahbaikan	1 bengkel kajian penambahbaikan		
			Fasa 2 : Pembangunan naik taraf aplikasi	Naik taraf aplikasi		
				2017 Fasa 1 Selesai 2020 Fasa 2 Selesai	2017 - 2020	
		g) Sudut Inovasi di Portal SPA sebagai Saluran Pengumpulan dan Pertukaran Idea Mengenai Inovasi	Pembangunan sudut inovasi di Portal SPA	2017 1 sudut inovasi	2017	PM PRO
1.2	Pemantapan Keupayaan Perkhidmatan Digital	a) Pembangunan Aplikasi Mobile untuk Aplikasi MyRecruitment	Membangunkan 5 aplikasi mobile bagi aplikasi MyRecruitment	5 aplikasi mobile	2016-2020	PM
			i) SPABi	2016 - 2017 1 aplikasi mobile	2016 - 2017	

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.2	Pemantapan Keupayaan Perkhidmatan Digital	a) Pembangunan Aplikasi Mobile untuk Aplikasi MyRecruitment	ii) Setuju Terima Pelantikan	2017 1 aplikasi mobile	2017	PM
			iii) ePengisian	2018 1 aplikasi mobile	2018	
			iv) eTapis	2019 1 aplikasi mobile	2019	
			v) MyGIM	2020 1 aplikasi mobile	2020	
		b) Naik Taraf Aplikasi MyRecruitment untuk Mobile Ready	Menaik taraf aplikasi MyRecruitment untuk Mobile Ready	6 aplikasi	2018-2020	PM PG PK SB SW
			i) SPA8i	2018 1 aplikasi	2018	
			ii) ePengisian	2018 1 aplikasi	2018	
			iii) Setuju Terima Pelantikan	2019 1 aplikasi	2019	
			iv) IMS	2019 1 aplikasi	2019	
			v) eTapis	2020 1 aplikasi	2020	
		c) Pembangunan Mobile Apps untuk Aplikasi MyService	Pembangunan Mobile Apps untuk aplikasi MyService	1 aplikasi	2017 - 2018	PM KT
			i) Semakan Perkhidmatan	2017 Kajian Awal 2018 1 aplikasi	2017 - 2018	

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.2	Pemantapan Keupayaan Perkhidmatan Digital	d) Naik Taraf Aplikasi MyService untuk Mobile Ready	Menaik taraf aplikasi MyService untuk Mobile Ready	2 aplikasi	2019	PM
			i) ePengesahan	2019 1 aplikasi	2019	
			ii) Semakan Perkhidmatan	2019 1 aplikasi	2019	
		e) Pewujudan interaksi secara maya dengan pelanggan SPA	Bengkel kajian pelaksanaan interaksi maya dengan pelanggan	2017 Interaksi maya dilaksanakan	2017	PRO PM
1.3	Pengukuhan dan Pengurusan Data serta Maklumat	a) Perkhidmatan Data Terbuka dan Data Raya	Mengkaji dan mengklasifikasi data berkaitan bagi pelaksanaan Perkhidmatan Data Terbuka dan Data Raya	1 kajian dan klasifikasian data	2017 - 2020	DP PM
			i) Data Urusan Pengambilan	2017 Kajian Awal 2018 Data raya urusan pengambilan dilaksanakan	2017 - 2018	
			ii) Data Urusan Perkhidmatan	2018 Kajian Awal 2019 Data raya urusan perkhidmatan dilaksanakan	2018 - 2019	
			iii) myIDENTITY	2019 Kajian Awal 2020 Data raya myIDENTITY	2019 - 2020	

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.3	Pengukuhan dan Pengurusan Data serta Maklumat	b) Perkongsian Data Antara Agensi	Melaksanakan perkongsian data dengan agensi berkaitan seperti i) Lembaga Peperiksaan Malaysia - SPM ii) Polis Diraja Malaysia - Permohonan Calon Jawatan PDRM iii) Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM - eKasih iv) Jabatan Pendaftaran Negara - Warganegara v) Jabatan Insolvensi Malaysia - Kebankrapan vi) Jabatan Perkhidmatan Awam - Kes Buang Kerja vii) Kementerian Kesihatan Malaysia - Lantikan Pegawai Perubatan vii) Agensi Anti Dadah Kebangsaan - Rekod Penagih	2016 7 agensi 2017 5 agensi 2018 1 agensi 2020 2 agensi	2016 - 2020	PM PG PK PE

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.3	Pengukuhan dan Pengurusan Data dan Maklumat	b) Perkongsian Data Antara Agensi	ix) Kementerian Kesihatan Malaysia - Lantikan Pegawai Pergigian x) Kementerian Kesihatan Malaysia - Lantikan Pegawai Farmasi xi) Majlis Peperiksaan Malaysia - STPM xii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia - Rekod Rasuah xiii) Jabatan Kebajikan Masyarakat - Pendaftaran OKU xiv) Kementerian Pengajian Tinggi - Pengiktirafan Kelayakan xv) Malaysia Qualifications Agency - Akreditasi Bidang			
1.4	Pembangunan Aplikasi Baharu	Membangunkan Aplikasi Baharu bagi Memenuhi Keperluan SPA	Membangunkan 6 aplikasi baharu iaitu :		2016 - 2020	

TERAS 1 - PEMERKASAAN APLIKASI DALAM MEMANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
1.4	Pembangunan Aplikasi Baharu	Membangunkan Aplikasi Baharu bagi Memenuhi Keperluan SPA	Fasa 1 Kajian keperluan pengguna			
			Fasa 2 Pembangunan dan pengujian sistem			
			i) Pembangunan MyResume	2016 Fasa 1 & 2 selesai	2016	PM PG PK SB SW DP
			ii) Pembangunan Integrated Computerised Statistic Solution (MySTAT)	2017 Fasa 1 selesai 2018 Fasa 2 selesai	2017 - 2018	PM DP
			iii) Pembangunan MyPAC	2017 Fasa 1 selesai 2019 Fasa 2 selesai	2017- 2019	PM PG PK SB SW
			iv) Pembangunan MyRecruitment Management Knowledge Repository	2018 Fasa 1 selesai 2020 Fasa 2 selesai	2018 - 2020	PM PG PK PE
			v) Pembangunan Integrated Contract Service System (ICSS)	2018 Fasa 1 selesai 2020 Fasa 2 selesai	2018 - 2020	PM PG PK
			vi) Pembangunan Information Communication Management System (ICMS)	2019 Fasa 1 selesai 2020 Fasa 2 selesai	2019 - 2020	PM PRO

TERAS 2 - PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA BERSEPADU DAN SELAMAT

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
2.1	Pengukuhan Rangkaian dan Aset ICT	a) Peningkatan Perkakasan Rangkaian LAN dan WAN	i) Penggantian <i>Switch</i>	2018 Pemasangan selesai	2018 - 2020	PM
			ii) Kajian keperluan rangkaian dan konfigurasi di Pusat Data Baharu	2018 1 hasil kajian keperluan dan konfigurasi		
			iii) Perolehan <i>Load Balancer</i> dan <i>Web Accelerator</i> bagi aplikasi SPABi dan Portal SPA	2019 Perolehan selesai		
		b) Pelaksanaan Ketersediaan IPv6	Peralihan ke IPv6	2018 Peralihan ke IPv6 selesai	2018	PM
		c) Pemantapan Rangkaian Tanpa Wayar (Wifi) di Putrajaya, Urus Setia Sabah dan Sarawak serta Semua Pusat Temu Duga SPA	Pemasangan rangkaian tanpa wayar	2016 Pemasangan di SPA Putrajaya selesai 2017 Pemasangan di Urus Setia Sabah dan Urus Setia Sarawak selesai 2018 Pemasangan di Pusat Temu Duga SPA	2016 - 2018	PM

TERAS 2 - PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA BERSEPADU DAN SELAMAT

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI	KPI	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN
